



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

WASPADA JARUM BERACUN

Tarikh Dibaca:

**13 SYAABAN 1445H /
23 FEBRUARI 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

WASPADA JARUM BERACUN

23 FEBRUARI 2024 / 13 SYAABAN 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَنْ تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّى تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ وَلَئِن

اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ١٣٠ (سورة

البقرة)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Semoga kita termasuk dalam kalangan umatnya yang mendapat syafaat. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual. Saya juga mendapati bahawa masih ada segelintir jemaah yang leka menggunakan telefon bimbit ketika khutbah sedang disampaikan. Tinggalkanlah sejenak urusan duniawi dan dengarkan baik-baik khutbah yang akan disampaikan. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Waspada Jarum Beracun**”.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan penduduk Palestin yang semakin teruk ditindas oleh rejim zionis Israel yang serangannya kini telah pun sampai ke Rafah yang merupakan tempat perlindungan penduduk Palestin. Jelas dan nyata bahawa Israel memang berniat melakukan genosid terhadap rakyat Palestin dan seterusnya merampas keseluruhan bumi Palestin untuk mereka. Maka teruslah bermunajat kepada Allah SWT memohon pertolongan buat mereka dan janganlah lupakan mereka. Semoga mereka semua diberi kekuatan, kesabaran, dan kemenangan dalam mematahkan segala muslihat dan tipu daya rejim zionis *laknatullahi ‘alaih*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dunia Islam hari ini berhadapan dengan “perang saraf” atau serangan pemikiran yang meliputi fahaman sekularisme, liberalisme, pluralisme, hedonisme dan bermacam lagi yang memberi impak sangat besar terhadap umat Islam dari aspek kepercayaan mahupun amalan dalam beragama. Idealisme-idealisme ini sudah tentunya berasal dari Barat yang semakin hari semakin berkembang ke seluruh pelusuk dunia melalui jarum-jarum halus beracun yang dimasukkan perlahan-lahan dalam urusan kehidupan manusia.

Perkembangan ideologi dan fahaman Barat ini begitu meresahkan kerana kita dapat melihat perubahan yang sangat ketara terhadap cara hidup masyarakat Melayu dan umat Islam hari ini terutamanya yang telah pun diracuni sedikit demi sedikit dengan fahaman-fahaman ini. Serangan ideologi ini juga telah menyebabkan manusia semakin ketandusan akhlak mulia dan nilai-nilai pekerti sama ada terhadap ibu bapa, ahli keluarga, guru, rakan-rakan dan masyarakat umumnya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya ingin menjelaskan secara ringkas berkenaan fahaman-fahaman yang telah dan sedang menyerang masyarakat hari ini.

Pertama: Pluralisme iaitu fahaman yang mengajar bahawa semua agama adalah sama. Pemeluk agama tidak boleh mendakwa hanya agamanya sahaja yang benar manakala agama lain salah. Bagi kita umat Islam, ia bertentangan dengan al-Quran yang

menyatakan dengan jelas sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah ali Imraan ayat 19:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ
بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ١٩

Maksudnya: “*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya*”.

Kedua: Liberalisme iaitu fahaman yang memperjuangkan masyarakat yang bebas bersuara, berfikir dan menolak pembatasan terutamanya daripada pemerintah dan agama. Fahaman ini juga mengajarkan bahawa masalah hubungan antara makhluk dengan penciptanya merupakan masalah peribadi. Mereka didoktrin dengan kebebasan menjalankan ajaran agama mengikut tafsiran mereka sendiri, atau kebebasan untuk tidak memilih agama.

Ketiga: Sekularisme iaitu mengajarkan pengasingan agama dengan urusan-urusan dunia. Fahaman ini tidak lain bertujuan menjauhkan manusia dari kehidupan akhirat demi mencapai kehendak sendiri yang berorientasikan dunia semata-mata tanpa mengambil kira halal dan haram sesuatu perkara. Sayid Qutb mendefinisikan sekularisme sebagai “*pembangunan struktur kehidupan tanpa dasar agama dan menganggap bahawa fahaman ini jelas bertentangan dengan Islam bahkan merupakan musuh Islam yang paling berbahaya*”. Ia bertentangan dengan konsep kesyumulan Islam bahkan bagi kaum Muslimin, agama itulah yang menjadi pengawal kepada setiap urusan kehidupan manusia agar manusia tidak bertindak sesuka hati dan melampaui batas.

Keempat: Hedonisme iaitu fahaman yang menyeru manusia untuk mengejar keseronokan dan kenikmatan material sebagai tujuan utama hidup. Dalam lingkungan

penganut fahaman ini, hidup dilaksanakan dengan sebebaskan-bebasnya tanpa batas demi memenuhi hawa nafsu melalui pesta-pesta hiburan dan seumpamanya. Dari fahaman ini, ia tidak lain mewujudkan kesan negatif lain. Bermula dengan sikap ego yang menjadi pangkal kepada hasrat mengejar keduniaan seterusnya membentuk peribadi yang mementingkan diri dan keghairahan terhadap kemewahan lalu kemudiannya mula menindas orang lain demi mencapai matlamatnya itu. Ibn Khaldun pernah mengungkapkan: *“Sejauh mana sesebuah masyarakat tenggelam dalam hedonisme, sejauh itulah mereka akan mendekati batas kehancuran. Proses kehancuran akan terjadi kerana hedonisme secara perlahan akan menyebabkan kemiskinan masyarakat dan negara. Sejauh mana hedonisme mewabak, sejauh itu jugalah kemiskinan akan tersebar di tengah masyarakat. Di pihak lain, membuang-buang harta untuk membeli barang-barang mahal yang hanya dimaksudkan untuk berbangga-bangga, perlahan-lahan akan mengheret sesebuah negara kepada pihak asing”*.

Begitulah sebenarnya keadaan umat akhir zaman sebagaimana yang telah disabdakan oleh Nabi Muhammad SAW:

لَتَتَّبِعَنَّ سَنَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ، شِبْرًا بَشِيرٍ وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ، حَتَّىٰ لَوْ دَخَلُوا فِي جُحْرٍ ضَبِّ
لَا تَبْعْتُمُوهُمْ قُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ؟ قَالَ: فَنَنْ

Maksudnya: *“Sesungguhnya kamu akan mengikuti jalan orang-orang sebelum kamu sejengkal demi sejengkal dan sehasta demi sehasta sampai jika orang-orang yang kamu ikuti itu masuk ke lubang dhab (yang sempit sekalipun), pasti kamu pun akan mengikutinya”*. Kami (para sahabat) berkata, *“Wahai Rasulullah! Apakah yang diikuti itu ialah Yahudi dan Nasrani?”* Baginda menjawab, *“Lantas siapa lagi?”*. **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Semua fahaman yang disebutkan tadi menyerang masuk melalui pelbagai cara antaranya seperti drama, filem, media sosial, sukan, lagu dan segala bentuk kesenangan dan keseronokan yang disukai oleh fitrah manusia. Ada sebahagian filem dan karya seni pula yang dihasilkan pada hari ini semakin berani menyinggung kesucian Islam dan mempersendakan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Ia nampak kecil pada

zahirnya atas alasan sekadar hiburan namun hakikatnya ia memakan kesan yang sangat besar terhadap pemikiran dan cara hidup masyarakat terutamanya pada golongan muda. Ada sebahagiannya pula masuk melalui persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Mereka cukup lantang mempersoalkan dan mencabar hukum-hakam Islam malah mentafsir ajaran Islam mengikut logik akal mereka sendiri. Maka umat Islam hendaklah sentiasa berhati-hati dengan dakyah dan tipu daya hiasan iblis melalui golongan ingkar yang sentiasa berusaha memadam cahaya kebenaran (Islam) walaupun Allah SWT telah menjamin keselamatan dan pemeliharaan cahaya Islam di muka bumi ini. Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin membuat beberapa rumusan:

Pertama: Dunia hari ini berhadapan dengan “perang saraf” yang bergerak secara halus melalui pelbagai ideologi songsang yang dibawa oleh Barat.

Kedua: Idealisme yang dibawa oleh Barat berteraskan keduniaan dan kebebasan hidup semata-mata dan bertujuan menjauhkan manusia dari Penciptanya.

Ketiga: Umat Islam perlu sentiasa berhati-hati dengan dakyah yang dibuat oleh pihak yang memusuhi Islam dengan cuba memadamkan cahaya Islam melalui pelbagai cara dari bersinar di muka bumi ini.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 32:

يُرِيدُونَ أَن يُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَيَأْبَى اللَّهُ إِلَّا أَن يُتِمَّ نُورَهُ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ۝٣٢

Maksudnya: “Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahaya-Nya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بَدْوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ ائْخُوغِ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغِ فَرْمَالَيْسُورِي ائْخُوغِ، رَاغِ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْرِزْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، ودمر أعداءك أعداء الدين وانصر من نصر الدين ،
واخذل من خذل المسلمين ، وأعل كلمتك إلى يوم الدين .

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ
بِهِمْ ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ ، اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ ،
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عِدْدًا ، وَاقْتَلِهِمْ بَدَدًا ، وَلَا تَغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا ، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ
عَاوَنَهُمْ ، بِأَسْكَ الَّذِي لَا يَرُدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ . اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ،
تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِنْ سِجِّيلٍ ، فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ .

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ .
اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ . اللَّهُمَّ بَدِّ شَمْلَهُمْ ، وَفَرِّقْ
جَمْعَهُمْ وَشَتَّ كَلِمَتَهُمْ ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ ، يَا قَهَّارُ ، يَا
جَبَّارُ ، يَا مُنْتَقِمُ يَا اللَّهُ . اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ ، يَا مُجْرِيَ السَّحَابِ ، يَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ ،
إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ ، إِهْزِمِهِمْ ! إِهْزِمِهِمْ ! وَانصُرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحَنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ .

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللَّهِ ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠ ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .